

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 9 TAHUN 2023

TARIKH : 25 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)
MASA : 8.30 MALAM
TEMPAT : DOUBLE TREE BY HILTON,
KUALA LUMPUR

HADIR

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.***
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **Y.D.M Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**
D.S.I.S., A.M.S., P.J.K.
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. **Cik Ang Lee Yong**
Ahli Majlis
4. **Encik Mohd Safiee bin Harun**
Ahli Majlis
5. **Encik Haridass a/l Ramasamy**
Ahli Majlis
6. **Encik Wong Kim Loon**
Ahli Majlis
7. **Encik Nadasan a/l Subramani**
Ahli Majlis
8. **Encik Gan Yee Chin**
Ahli Majlis
9. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**
Ahli Majlis
10. **Puan Rahimah binti Harun**
Ahli Majlis
11. **Encik Yong Keh Chyn**
Ahli Majlis

12. **Puan Rogayah binti Ibrahim**
Ahli Majlis
13. **Encik Lim Lip Suan**
Ahli Majlis
14. **Encik Tan Wee King**
Ahli Majlis
15. **Encik Panalsalwa a/l R Kuppan**
Ahli Majlis
16. **Encik Zulkipli bin Said**
Ahli Majlis
17. **Encik Abd Razak bin Ramli**
Ahli Majlis
18. **Encik Mat Irwan bin Mat Ismail**
Ahli Majlis
19. **Encik Tan Keng Siang**
Ahli Majlis
20. **Encik Kamalanathan a/l Chellappan**
Ahli Majlis
21. **Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam**
Ahli Majlis
22. **Puan Rukiyah binti Kolamchery**
Ahli Majlis
23. **Encik Mohd Yazid bin Abd Manaf**
Ahli Majlis
24. **Puan Rashina binti Arsat**
Ahli Majlis
25. **Encik Sahnizam bin Othman**
Ahli Majlis
26. **Encik Khairul-Azam bin Saroni, A.M.S.**
Setiausaha

TURUT HADIR

1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
3. **Puan Norashidah binti Rosli, P.J.K.**
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
4. **Sr. Lisawati binti Abd. Karim**
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. **Encik Mohd Aszzwir bin Mohd Sabiruddin**
Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
6. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap, A.I.S.**
Pengarah Jabatan Lanskap
7. **Puan Nordila binti Yasir**
Pengarah Jabatan Pelesenan
8. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
9. **Puan Norain binti Mohamed**
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
10. **Ts. Syamsol Herwan bin Ahmad**
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
11. **Puan Hashila binti Hamzah**
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
12. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat
13. **YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**
Ketua Unit Audit Dalam
14. **Tuan Haji Fauzi bin Din, P.J.K.**
Penasihat Undang-Undang

15. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
16. **Gs. Mohd Rizal bin Haji Shamsuddin**
Ketua Unit Pusat Setempat
17. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**
Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
18. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**
Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra
19. **Encik Rizaki bin Jaapar**
Ketua Unit Integriti

DIJEMPUT HADIR

1. **Puan Suhana binti Tukea**
Wisdom Infinity Sdn. Bhd.
2. **Encik Lim Cheng Ten**
Wisdom Infinity Sdn. Bhd.
3. **Encik Ismail bin Haji Abd Rahman**
Wisdom Infinity Sdn. Bhd.
4. **Puan Zuliana binti Mat Zawawi**
ZMZ Planning Consultant
5. **Encik Young Elias bin Young Daud**
Axes Impact Studies Sdn. Bhd.
6. **Encik Tay Chui Boon**
Ng & Ng Consult Sdn. Bhd.

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. **Encik Hemabalan a/l Vadomalai**
Pegawai Tadbir
2. **Encik Mohd Hazery bin Paimin**
Penolong Pegawai Tadbir
3. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**
Pembantu Setiausaha Pejabat

4. **Puan Rosmawati binti Othman**
Pembantu Setiausaha Pejabat
5. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**
Pembantu Operasi

| PERKARA | TAJUK PERKARA | | TINDAKAN |
|---------|---|---|---------------------------|
| 1.0 | BACAAN DOA | | |
| | Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatiyah oleh semua ahli mesyuarat beragama Islam. | | Makluman |
| 2.0 | UCAPAN PENGERUSI | | |
| | YBhg. Dato' Pengurus memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini. | | Makluman |
| 3.0 | SESI TAKLIMAT | | |
| | 3.1 | TAKLIMAT BERHUBUNG CADANGAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DI ATAS LOT 15752, 540, 541, 542, 543 DAN 544 SEKSYEN 1, PEKAN JENJAROM, DAERAH KUALA LANGAT <p>Taklimat telah disampaikan untuk makluman semua ahli mesyuarat.</p> <p><u>Perkara-Perkara Yang Dibangkitkan Ahli Mesyuarat</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Encik R. Haridass memaklumkan tanah tersebut telah dibuka sejak 15 tahun lalu dan dijual secara lot-lot. Beliau juga memaklumkan di sebelah Jalan Klang Banting, terdapat perumahan lot-lot lidi (hadapan tapak projek). Beliau ingin tahu adakah pihak pemaju telah mengadakan perjumpaan dengan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Sebagai makluman, Jalan Haji Masrik merupakan laluan utama air dari Seri Jaromas dan Kampung Jenjarom ke Sungai Langat. Beliau mengalu-alukan pembangunan tetapi dalam masa yang sama beliau risau akan kesesakan jalan dan masalah banjir yang akan berlaku pada masa akan datang. 2. Puan P. Umananthini memaklumkan pihak pemaju perlu mengadakan perjumpaan dengan Ahli Majlis dan penduduk setempat. Beliau juga membangkitkan isu persekitaran (bunyi bising) | Wisdom Infinity Sdn. Bhd. |

| | | | |
|--|--|---|--|
| | | <p>yang akan berlaku selepas projek tersebut siap.</p> <p>Hasil lawatan beliau tempoh hari di sebelah Tamera, Taman Sri Jaromas mendapati tanah tersebut adalah tanah gambut dan dikhuatiri air akan masuk ke kawasan Tamera apabila hujan. Oleh itu, beliau ingin tahu tindakan yang akan dibuat oleh pihak pemaju bagi memastikan perkara ini tidak berlaku.</p> <p><i>Sebagai makluman, tanah tersebut dibeli daripada PNB Seriemas dalam keadaan 'final title'. Berkenaan lot-lot lidi di sebelah Jalan Klang Banting, hasil semakan dalam Rancangan Tempatan didapati seluruh kawasan tersebut dibenarkan untuk dijadikan zon industri dan lot lidi tersebut merupakan pembangunan tanpa kebenaran dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan oleh MPKL.</i></p> <p><i>Encik R. Haridass memaklumkan tanah lot tersebut dibeli sejak 35 tahun lepas dan berstatus pertanian.</i></p> <p><i>Dimaklumkan pihak pemaju akan meminta Juruukur untuk membuat tinjauan samada lot-lot lidi tersebut terletak di atas simpanan jalan. Satu perjumpaan akan diadakan bersama penduduk dan Ahli Majlis sekiranya didapati kawasan tersebut terlibat.</i></p> <p><i>Berkenaan masalah banjir dan lalulintas pula, jurutera perunding akan bekerjasama dengan pihak JPS Daerah, JPS Negeri Selangor dan JKR.</i></p> <p><i>Mesyuarat juga dimaklumkan kerja-kerja pembersihan akan dilaksanakan pada hujung bulan Oktober.</i></p> | |
|--|--|---|--|

| | | | |
|------------|--|--|--|
| 4.0 | PENGESAHAN MINIT MESYUARAT | | |
| | 4.1 | MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 8 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 24 OGOS 2023 | |
| | | Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Zulkipli bin Said dan disokong oleh Encik Tan Wee King tanpa sebarang pindaan. | |
| 5.0 | PERKARA-PERKARA BERBANGKIT | | |
| | 5.1 | - TIADA - | |
| 6.0 | MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT: | | |
| | 6.1 | MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 9 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 5 SEPTEMBER 2023 | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | |
| | 6.2 | MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAK BILANGAN 9 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 SEPTEMBER 2023 | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | |
| | 6.3 | MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 9 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 SEPTEMBER 2023 | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |

| | | | |
|--|-----|--|-----------------|
| | i. | <u>Perkara 8.1.12 (m.s.11)</u> Mohon pemasangan lampu jalan di antara Jalan Sawi dan Jalan Kailan, Kampung Baru Sungai Jarom dipinda kepada Mohon pemasangan lampu jalan di Jalan Norton (antara Jalan Sawi dan Jalan Kailan), Kampung Baru Sungai Jarom. | Makluman |
| | 6.4 | MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 9 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN 8 SEPTEMBER 2023 | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | Makluman |
| | 6.5 | MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 9 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 SEPTEMBER 2023 | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |
| | i. | <u>Perkara 5.2.3 (m.s.7)</u> Encik Gan Yee Chin memaklumkan balairaya Jalan Mentari, Bandar Mahkota akan diuruskan oleh pihak yang sama iaitu Persatuan Penduduk. Oleh itu, beliau ingin tahu adakah pihak tersebut perlu pergi ke TNB untuk menutup akaun lama dan seterusnya membuka akaun baru. <i>Dimaklumkan pihak jabatan akan membuat semakan semula dari segi penama di bil elektrik.</i> | JPPH |
| | 6.6 | MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 9 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 SEPTEMBER 2023 | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |

| | | | |
|-----|-------|--|-----------------|
| | i. | <p>Perkara 4.2 (m.s.4)</p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu status terkini kemajuan kerja Hotel Brisdale.</p> <p><i>Akan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan akan datang.</i></p> | Makluman |
| | 6.7 | MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 9 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 SEPTEMBER 2023 | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | Makluman |
| 7.0 | | MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT: | |
| | 7.1 | MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 15 TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 3 OGOS 2023 | |
| | 7.1.1 | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | Makluman |
| | 7.2 | MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 16 TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 OGOS 2023 | |
| | 7.2.1 | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | Makluman |

| | | | |
|------------|---|---|-----------------|
| 8.0 | PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN | | |
| | 8.1 | <p><u>ADDENDUM NO.1</u></p> <p>PINDAAN SURAT ARAHAN AMANAH BAGI PEROLEHAN ASET DIPERMODALKAN YANG MENGGUNAKAN DANA TABUNG AKAUN AMANAH MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat. Sila rujuk Lampiran A.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat.</p> | JP |
| 9.0 | UCAPAN PENANGGUHAN | | |
| | Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Lim Lip Suan, | | |
| | i. | Beliau mengucapkan Selamat Sejahtera dan Salam Madani kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, Tuan Setiausaha, YDM Tengku Dato' Mohamed AlHaj, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan. | Makluman |
| | ii. | Beliau merakamkan ucapan terima kasih kerana telah diberi peluang dan kepercayaan untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada mesyuarat kali ini. Beliau juga melahirkan rasa kesyukuran kerana dilantik sebagai Ahli Majlis Kuala Langat dan seterusnya diberi peluang untuk berkhidmat kepada komuniti Kuala Langat. | Makluman |

| | | | |
|--|------|---|-----------------|
| | iii. | Berdasarkan slogan “Think Globally Act Locally”, rakyat Malaysia khususnya penjawat awam perlu memikirkan secara serius bagaimana untuk melaksanakan konsep tersebut. Ini kerana mulai tahun ini, negara yang mempunyai populasi terbesar di dunia bukan lagi negara China, tetapi India. China mempunyai populasi 1.3 bilion, India mempunyai populasi 1.4 bilion dan terdapat 1.6 bilion muslim di dunia. | Makluman |
| | iv. | Sebenarnya salah satu tanda kebesaran tuhan ialah menciptakan manusia dalam keadaan pelbagai. Kekuatan Malaysia, ada pelbagai kaum, pelbagai budaya dan pelbagai makanan yang enak. Ikatan kukuh yang dibina selama 66 tahun ini mestilah dipertahankan oleh semua supaya generasi baru Malaysia boleh ada keyakinan terhadap masa depan mereka. Dalam erti kata lain, Malaysia mampu menarik lebih separuh daripada 8 bilion populasi iaitu 4.3 bilion orang untuk melancong atau melabur di Malaysia, terutamanya di daerah Kuala Langat. Ini kerana Kuala Langat mempunyai Bukit Jugra dan pantai-pantai yang indah seperti Pantai Morib, Pantai Kelanang menjadikannya satu lokasi yang ber “fengshui”. | Makluman |
| | v. | Ini bermakna pemimpin melakukan perubahan dan bukan tunggu perubahan sahaja. Sebagai pemimpin tempatan, perlu lakukan perubahan yang membawa kemajuan kepada daerah Kuala Langat. Masyarakat sedang melalui satu proses perubahan yang pantas dan setiap kali perubahan itu berlaku, ia mencabar apa yang tersedia dari fahaman dan persepsi kita, terutamanya berita palsu yang viral melalui media sosial. | Makluman |

| | | | |
|------------|-------|--|-----------------|
| | vi. | Oleh itu, beliau berharap semua warga kerja MPKL menjadi satu pasukan yang hebat dan saling membantu antara satu sama lain melalui perkongsian sumber dengan agensi kerajaan lain. Pasukan yang berjaya adalah pasukan yang tahu mengambil tindakan yang harmoni, ertinya tindakan yang betul pada saat yang tepat dan diiringi dengan fokus yang betul. | Makluman |
| | viii. | Akhir kata, beliau mengajak semua pihak berusaha menjadikan MPKL satu masa depan yang cerah dan semoga akan dinaiktaraf kepada Majlis Bandaraya pada masa akan datang. | Makluman |
| 9.0 | | UCAPAN PENUTUP OLEH PENGERUSI | |
| | | YBhg. Dato' Pengurus mengucapkan terima kasih kepada Encik Lim Lip Suan atas ucapan penangguhan pada hari ini. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini. | Makluman |

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.15 malam.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : 29 September 2023

MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

BILANGAN 9 TAHUN 2023

Disemak oleh :

.....
(KHAIRUL-AZAM BIN SARONI, A.M.S.)

Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP - JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. JTM - JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN